



www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (2) Disember 2017(015-023)

Unsur Feminisme Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif

Siti Nur Izzaty Salit

Norsimah Mat Awal

norsimah@edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Peribahasa merupakan satu khazanah yang penting terutamanya dalam bahasa Melayu. Peribahasa berperanan penting sebagai alat untuk menasihati dan memberi teguran tanpa menyinggung perasaan sesiapa dalam masyarakat Melayu tradisional. Unsur feminisme di dalam peribahasa Melayu dilihat mempunyai kecenderungan untuk bersifat negatif melalui kajian-kajian oleh pengkaji lepas. Makalah ini bertujuan mengenal pasti unsur feminisme yang terkandung di dalam peribahasa Melayu. Teori semantik kognitif digunakan bagi menganalisis unsur-unsur feminisme tersebut terutamanya dalam aspek skema imej dan metafora konseptual. Data peribahasa diambil daripada buku “Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai” yang melibatkan kesemua peribahasa bermula dari abjad A sehingga abjad Z. Berdasarkan data, terdapat 17 peribahasa daripada 5489 peribahasa yang mengandungi unsur feminisme. Unsur-unsur feminisme dapat dikategorikan kepada 3 iaitu (i) ciri-ciri positif wanita, (ii) ketertinggian darjat wanita dan (iii) peningkatan taraf atau kualiti hidup wanita.

Kata kunci: Peribahasa, Unsur feminisme, semantik kognitif.

Element of feminism in Malay proverbs: Cognitive Semantic Analysis

Abstract

Proverb is an essential treasure, especially the in Malay language. Malay proverb acts as a tool in advising one's mistake without making he or she feels hurt or ashamed as in traditional society. As stated in previous studies, the element of feminism in Malay proverbs tend to have negative interpretation. Thus, this paper aims to identify the element of feminism in Malay proverb by using semantic cognitive theory to analyze the element of feminism, especially in schematic image and conceptual metaphor. The data was taken from “Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai” which involved all types of proverbs from A to Z. Based on the data, there were 17 from 5489 proverbs that consist of feminism element. The feminism element can be categorized into 3: (i) positive characteristics in women, (ii) higher rank of women and (iii) life-quality or status improvement of women.

Keywords: Proverb, element of feminism, semantic cognitive

1. Pengenalan

Kesantunan bahasa dalam masyarakat Melayu yang menjadi penghuni teras di Kepulauan Melayu sejak dua alaf lalu merupakan salah satu warisan yang penting dalam pembentukan keperibadian bangsa hingga kini. Salah satu bentuk bahasa yang mengungkapkan kesantunan berbahasa ialah peribahasa sama ada dalam bentuk yang dikenali sebagai simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah, perbilangan mahupun kata-kata hikmat (Awang Sariyan, 2007). Peribahasa merupakan cabang kekayaan bahasa yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dan merupakan ungkapan yang mempunyai makna yang tersirat untuk menyampaikan sesuatu pengajaran. Ini bertepatan dengan pendapat Za'ba (1965), peribahasa ialah sesuatu susunan kata-kata yang bersifat luas dan bijaksana yang menjadi ikutan serta digunakan sebagai panduan, dijadikan teladan dan mengandungi pengajaran.

Feminisme ialah satu teori yang menekankan kesamarataan antara lelaki dan wanita dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya. Feminisme diertikan sebagai gerakan atau fahaman yang menuntut persamaan hak wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki (Kamus Dewan, 2005). Perjuangan untuk mendapatkan hak-hak merupakan kesamarataan yang ditekankan dan bukanlah berdasarkan jantina atau gender. Meritokrasi, keupayaan, kebolehan, kecekapan dan status sosial antara aspek-aspek yang diperjuangkan oleh gerakan feminisme untuk menentukan status dan kedudukan wanita dengan lelaki.

Kajian-kajian lepas lebih cenderung untuk memperkatakan unsur feminisme secara umum ataupun unsur feminisme yang bercirikan negatif. Kajian-kajian lepas seperti kajian yang dilakukan oleh Rahimah Hamdan dan Shaiful Bahri M.D Radzi pada tahun 2014 membicarakan perspektif positif dan negatif wanita. Namun, kajian itu juga telah membuktikan bahawa perspektif negatif wanita lebih ditonjolkan dengan adanya lapan jenis kategori perspektif negatif wanita berbanding satu jenis kategori sahaja bagi perspektif positif wanita. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Rokhsana Bibi pada tahun 2016 telah membincangkan makna di dalam peribahasa yang melambangkan atau menggambarkan wanita mempunyai komponen negatif dan merendah-rendahkan wanita.

Kajian ini menggunakan teori semantik kognitif yang telah dikemukakan oleh George Lakoff pada tahun 1987. Berdasarkan teori ini, penjelasan mengenai unsur feminisme akan dilakukan menerusi komponen skema imej dan metafora konseptual. Pengenalpastian unsur feminisme pula dilakukan berdasarkan makna peribahasa.

2. Teori Semantik Kognitif

Teori semantik kognitif telah diperkenalkan oleh George Lakoff pada tahun 1987. Teori ini mengamalkan tiga prinsip asas iaitu (i) bertunjangkan pengalaman (*experientialist approach*) yang mengambil kira pengalaman lampau dan juga alam sekeliling, (ii) realiti tidak akan dicapai tanpa adanya pengkategorian dan (iii) realiti yang diterjemahkan kepada bahasa adalah hasil manusia ataupun kognisi. Lakoff memberikan struktur konseptual sebagai *Idealized Cognitive Models* (ICM) yang terdiri daripada lima jenis yang asas iaitu, skema imej, metafora, metonimi, proposisi dan juga simbolik.

Skema imej merujuk kepada penyusunan pengalaman dalam bentuk imej. Sebenarnya, skema imej lahir daripada beribu-ribu imej yang ada dalam leksikon. Ia merupakan sesuatu bentuk abstrak yang akan disandarkan kepada bentuk yang konkrit. Penyataan ini disokong oleh Imran Ho Abdullah (2007) menyatakan bahawa skema imej (*image schema*) adalah struktur konseptual yang penting dalam semantik kognitif. Lakoff (1987) menyatakan terdapat lima skema imej yang bersifat neutral iaitu skema bekas, skema keseluruhan-sebahagian, skema penghubung, skema pusat-pinggiran dan skema sumber-laluan-matlamat.

Selain daripada skema imej, metafora konseptual juga menjadi salah satu teras di dalam kerangka teori semantik kognitif ini. Metafora konseptual ini diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson pada tahun 1980 melalui buku *Metaphor We Live By*. Lakoff dan Johnson menyatakan bahawa metafora sememangnya wujud dalam kehidupan harian manusia melalui tindakan, pemikiran serta bahasa manusia. Tambah mereka lagi, metafora konseptual membolehkan manusia memahami satu domain konseptual dalam satu domain konseptual yang lain. Satu domain konseptual merupakan satu struktur pengalaman dan pengetahuan yang koheren. Terdapat dua konsep yang penting dalam membincangkan metafora dalam teori semantik kognitif iaitu domain sasaran dan domain sumber.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan bersifat tekstual. Kajian ini telah menggunakan data peribahasa melalui buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Buku ini mengandungi data-data peribahasa yang merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat. Buku ini dipilih kerana ia menghimpunkan data peribahasa yang terdiri daripada 4 buku yang lain iaitu (i) *Kitab Kiliran Budi* (1964), (ii) *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2004), (iii) *1001 Peribahasa Melayu* (2000) dan (iv) *Peribahasa SPM* (2008) yang menjadikan jumlah peribahasa ialah sebanyak 5489. Kajian ini meneliti kesemua data peribahasa ini kerana ianya bersifat lebih meluas yang meliputi kesemua jenis peribahasa dalam bahasa Melayu.

Unsur feminisme dalam peribahasa Melayu telah dikenal pasti melalui leksikal yang menggambarkan wanita dan juga makna peribahasa secara keseluruhan yang mendukung pengertian mengenai wanita. Kajian ini juga memilih data peribahasa yang menunjukkan unsur feminisme yang berdenotasi dan berkonotasi positif lantaran kajian lepas mempunyai kecenderungan mengkaji peribahasa yang membawa maksud negatif. Unsur-unsur feminisme yang dilihat dan menentukan pemilihan data peribahasa ialah sikap dan sifat positif wanita, kedudukan wanita dalam masyarakat dan martabat wanita sebagai ibu serta peningkatan kualiti hidup wanita ke arah yang lebih baik.

Melalui penelitian dan penganalisan yang dilakukan terhadap semua jenis peribahasa yang bermula dari abjad A hingga abjad Z yang dipilih, pengkaji mendapati pengklasifikasian unsur feminisme dalam peribahasa yang terdapat dalam buku ini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori. Kategori-kategori ini ditentukan berdasarkan peribahasa dan makna yang mengandungi unsur-unsur feminisme seperti sikap dan sifat positif wanita, kedudukan wanita dalam masyarakat dan martabat wanita sebagai ibu serta peningkatan kualiti hidup wanita. Kategori-kategori tersebut ialah :

- a) Ciri positif
Contohnya, *bagai gadis jolong menumbuk*
- b) Ketertinggian darjat
Contohnya, *kasih ibu sepanjang jalan, kasih anak sepanjang pegangan*
- c) Peningkatan taraf / kualiti hidup
Contohnya, *hilang pelanduk berganti kijing emas*

4. Dapatan Kajian

Unsur-unsur feminisme dalam peribahasa Melayu telah diklasifikasikan kepada tiga aspek. Kategori-kategori ini terdiri daripada ciri-ciri positif wanita iaitu sifat dan sikap positif wanita, ketertinggian darjat wanita yang mengambil kira kedudukan wanita dalam masyarakat dan martabat wanita sebagai ibu serta kategori peningkatan taraf atau kualiti hidup wanita. Kajian ini memilih data yang dominan daripada setiap kategori untuk dianalisis. Data-data yang dominan dalam setiap kategori ini

dijelaskan dengan menggunakan skema imej atau metafora konseptual yang terdapat dalam teori semantik kognitif.

(1) Ciri-ciri positif wanita

Antara kategori pertama yang ditemui di dalam peribahasa mengenai unsur feminisme ini ialah ciri-ciri positif wanita. Sebanyak 9 peribahasa berkaitan unsur feminisme yang mempunyai ciri-ciri positif ini telah dikenal pasti.

Peribahasa	Interpretasi Makna
Bunga layu kembang semula	Orang tua yang bersolek seperti orang muda
Bunga layu balik kembang	
Dendang menggonggong telur	Perempuan hodoh yang berpakaian cantik
Bagai gagak menggonggong telur	
Seperti bulan dipagar bintang	Perihal gadis yang memang cantik bertambah lagi cantik apabila dikelilingi oleh gadis-gadis yang cantik juga
Laksana janda baru bangun tidur	Perempuan yang sangat cantik
Bagai ayam mengeram telur	
Seperti si mandul baru beranak	
Seperti labah-labah cinta kepada telurnya	Sangat kasih akan seseorang

Sumber: Buku "Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai

Analisis data peribahasa *bunga layu kembang semula* dan *bunga layu balik kembang* :

Data peribahasa *bunga layu kembang semula* dan *bunga layu balik kembang* bermaksud orang tua yang bersolek seperti orang muda. Bunga sering dikaitkan dengan perempuan sama ada ia melambangkan ciri-ciri perempuan ataupun melambangkan diri perempuan. Bunga layu melambangkan seseorang perempuan yang telah tua. Kembang membawa makna sifat bunga yang akan hidup dengan sihat misalnya 'bunga sedang kembang'. Bunga kembang pula diertikan sebagai seorang perempuan yang muda ataupun sedang berada di alam gadisnya. Semula dan balik membawa erti bunga yang sudah layu menjadi bunga yang sedang kembang dengan cara bersolek ataupun berhias.

Skema imej tatatingkat mendominasi data peribahasa yang menunjukkan unsur feminisme melalui sikap positif menjaga penampilan diri. Skema imej tatatingkat melibatkan konsep perhubungan turun dan naik. Misalnya, peningkatan kadar kelahiran ataupun perlakuan menundukkan kepala. Makna peribahasa *orang tua yang bersolek seperti orang muda* menggambarkan ada satu tingkat yang membezakan mereka. Rajah 1 menunjukkan skema imej tatatingkat bagi unsur feminisme makna peribahasa orang tua yang bersolek seperti orang muda.



Rajah 1


Orang tua merujuk kepada seseorang yang sudah lanjut usianya dan mempunyai keadaan fizikal yang kurang cergas dan tidak cantik. Hal ini berbeza dengan orang muda yang lebih cergas, lebih cantik dan usianya masih belum lanjut. Perbezaan yang ketara ini dapat dilihat melalui peningkatan usia, kesihatan tubuh badan dan kecantikan luaran. Orang muda di sini dilihat mempunyai satu kelebihan yang ingin dimiliki oleh orang tua. Jadi, usaha yang dilakukan oleh orang tua untuk menjadi muda atau menjadi orang muda dapat diklasifikasikan sebagai menjaga penampilan diri. Menjaga penampilan diri termasuklah bersolek atau berhias dikatakan mampu meningkatkan keyakinan diri seseorang dan kedudukannya dalam sistem masyarakat. Seseorang yang menjaga penampilan diri lebih dihormati dan disukai oleh orang lain. Misalnya, orang tua yang menjaga penampilan diri lebih dipandang tinggi terutamanya oleh orang muda.

Antara orang tua dengan orang muda wujud satu tatattingkat yang membandingkan mereka dan membeza-bezakan mereka. Bersolek atau berhias dan berpakaian cantik boleh dikatakan sebagai satu usaha atau satu tindakan yang dilakukan oleh manusia bagi menaiki tingkat untuk mencapai tahap orang muda.

Analisis data peribahasa *seperti bulan dipagar bintang* :

Makna peribahasa ***perihal gadis yang memang cantik bertambah lagi cantik apabila dikelilingi oleh gadis-gadis yang cantik juga*** menggambarkan kecantikan wanita seperti bulan. Bulan yang bulat, penuh cahaya melambangkan hampir menyamai kecantikan wanita. Dalam data ini, bulan yang melambangkan kecantikan wanita ditambah lagi dengan bintang yang bercirikan sesuatu yang cantik turut menjadikan peribahasa *seperti bulan dipagar bintang* sebagai satu keadaan yang sangat mengindahkan mata kerana kehadiran wanita yang cantik. Menurut Sapinah Said (2013), bulan menyinarakan cahaya yang indah pada waktu malam, lebih-lebih lagi dikelilingi dengan kecantikan bintang-bintang yang mengerdip di sekitarnya. Bulan yang dipagar bintang itu dikatakan sungguh menawan bagi sesiapa sahaja yang memandangi.

Skema imej yang dapat menjelaskan makna ***perihal gadis yang memang cantik bertambah lagi cantik apabila dikelilingi oleh gadis-gadis yang cantik juga*** ialah skema imej bekas. Menurut Johnson (1987), manusia biasanya menganggap apa-apa yang ada di sekelilingnya sebagai bekas. Atas dasar ini, skema imej bekas digunakan untuk menginterpretasikan pengalaman dalam bentuk bekas. Pemahaman manusia tentang konsep bekas ini membolehkan konsep abstrak itu difahami. Rajah 2 menunjukkan skema imej bekas unsur feminisme makna perihal gadis yang memang cantik bertambah lagi cantik apabila dikelilingi oleh gadis-gadis yang cantik juga.



Leksikal dikelilingi dalam *perihal gadis yang memang cantik bertambah lagi cantik apabila dikelilingi oleh gadis-gadis yang cantik juga* menunjukkan bahawa adanya konsep bekas di situ. Bekas memberikan imej sebagai satu bulatan. Hal ini sepadan dengan peribahasa *bagai bulan dipagari bintang*. Bulan berbentuk bulat dan apabila ia dipagari bintang, pastinya bintang akan mengikuti bentuk bulan kerana ia seolah-olah berada di luar bulan. Manakala bulan pula sebagai sesuatu yang berada di dalam. Begitu juga dengan makna *perihal gadis yang memang cantik bertambah lagi cantik apabila dikelilingi oleh gadis-gadis yang cantik juga*. Menurut makna tersebut, gadis yang cantik telah dikelilingi gadis-gadis yang cantik menunjukkan leksikal dikelilingi merupakan kunci utama dalam pengkonseptualan skema imej bekas ini. Gadis cantik yang dikelilingi itu merupakan sesuatu yang berada di dalam kerana dialah yang dikelilingi manakala gadis-gadis cantik yang mengelilingi pula merupakan sesuatu yang berada di luar iaitu di luar gadis cantik.

(2) Ketertinggian darjat

Seterusnya, kategori kedua yang ditemui di dalam peribahasa mengenai unsur feminisme ini ialah ketertinggian darjat wanita. Sebanyak 6 peribahasa berkaitan unsur feminisme yang mempunyai kategori ketertinggian darjat wanita ini telah dikenal pasti.

Peribahasa	Interpretasi Makna
Bunga tengah kembang di taman, baunya merebak ke mana-mana	Gadis yang cantik akan masyhur dan menjadi sebutan di mana-mana
Cincin emas takkan tampan berkaca mata	Gadis yang elok dan kaya takkan sejodoh dengan orang yang miskin dan hodoh
Anak gahara	Putera atau puteri yang dilahirkan oleh permaisuri daripada keturunan bangsawan
Tumbuh di tanah gembur	Anak gadis yang berasal daripada keluarga yang mewah
Kalau ibu kaya anak jadi puteri, kalau anak kaya ibu jadi budak	Perbezaan antara kasih sayang anak dan ibu
Kasih ibu sepanjang jalan, kasih anak sepanjang pegangan	Kasih ibu kepada anak kekal selamanya, tetapi kasih anak boleh hilang

Sumber: Buku "Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai"

Analisis data peribahasa *anak gahara* :

Bagi data peribahasa *anak gahara*, *anak gahara* merupakan *putera atau puteri raja yang dilahirkan oleh permaisuri berketurunan bangsawan*. Putera yang dilahirkan oleh permaisuri berketurunan bangsawan biasanya lebih dihormati dalam kepimpinannya. Hal ini kerana status bondanya yang berketurunan bangsawan menguatkan lagi dirinya sebagai seorang putera. Hal ini membuktikan bahawa permaisuri yang berketurunan bangsawan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan permaisuri yang bukan berketurunan bangsawan.

Status seseorang merupakan sesuatu yang sangat sinonim dengan metafora konseptual STATUS TINGGI ADALAH ATAS, STATUS RENDAH ADALAH BAWAH. Metafora konseptual ini berada di dalam kategori metafora orientasi. Makna *putera atau puteri raja yang dilahirkan oleh permaisuri berketurunan bangsawan* menandakan status yang dimilikinya sangat tinggi. Hal ini kerana sudahlah putera atau puteri raja itu menggambarkan status dan darjat yang tinggi. Ditambah pula dengan leksikal permaisuri yang berketurunan bangsawan. Bangsawan merupakan hierarki yang tinggi berbanding dengan rakyat marhaen. Keturunan bangsawan ini sangat dihormati dalam masyarakat kerana gelaran serta status yang mereka pegang. Pada zaman dahulu, golongan bangsawan ini dikaitkan sebagai kaum kerabat raja atau golongan keluarga bendahara yang memegang jawatan sebagai orang kanan raja. Jadi, status serta kedudukan mereka dalam masyarakat itu sememangnya tinggi. Menerima perintah daripada mereka samalah ertinya seperti menerima perintah daripada raja. Berketurunan bangsawan itu merupakan manifestasi metafora konseptual STATUS TINGGI ADALAH ATAS, STATUS RENDAH ADALAH BAWAH.

Analisis data peribahasa *kasih ibu sepanjang jalan, kasih anak sepanjang pegangan* :

Kasih ibu sepanjang jalan membawa erti bahawa kasih sayang seorang ibu itu tiada penghujungnya dan tidak terbatas. Manakala kasih seorang anak di dalam *kasih anak sepanjang pegangan* hanya akan dimiliki sekiranya si ibu mengingatkannya. Selagi dipegang anak itu, maka dia akan mengingati ibunya. Sekiranya tidak, maka dia akan lupa terhadap ibunya. Misalnya, kadang kala kesibukan si anak bekerja di ibu kota membataskan dia untuk meluangkan masa bersama ibunya ataupun bertanya khabar ibunya di kampung. Namun, apabila si ibu yang bertanya khabar dahulu, barulah si anak ini mengingati ibunya.

Kasih sayang merupakan kata sinonim bagi perkataan cinta. Cinta itu merupakan sesuatu perasaan yang menyayangi sesuatu dengan sepenuh hati. Cinta juga boleh dijelaskan menggunakan metafora konseptual. Perasaan kasih atau cinta ini berada dalam kategori metafora ontologi kerana ia melibatkan perasaan. Metafora konseptual yang menjelaskan cinta atau kasih ini mempunyai jumlah yang banyak. Namun, dalam konteks makna *kasih ibu kepada anak kekal selamanya, tetapi kasih anak boleh hilang* ia merujuk kepada satu metafora konseptual. Metafora konseptual tersebut ialah CINTA BERSIFAT SEMENTARA DAN KEKAL. Hal ini kerana leksikal kekal dalam *kasih sayang ibu kepada anaknya kekal selamanya* menunjukkan bahawa kasih itu boleh bersifat kekal terutamanya dalam konteks kasih sayang ibu kepada anaknya kerana ibu itu mengandung dan melahirkan anaknya itu. Umum mengetahui bahawa proses melahirkan merupakan sesuatu di antara hidup dan mati. Ini bermakna si ibu sanggup mempertaruhkan nyawanya bagi melahirkan anak yang sedang dikandungkannya itu. Perkataan hilang dalam *tetapi kasih sayang anak boleh hilang* menunjukkan bahawa kasih sayang itu juga boleh bersifat sementara kerana ia boleh datang dan ia boleh hilang. Sekiranya perasaan sayang itu hadir, maka kasih sayang itu mungkin boleh bersifat kekal. Namun, hal yang sebaliknya berlaku apabila perasaan sayang itu hilang. Kasih sayang sememangnya boleh bersifat sementara. Jarang sekali seseorang anak itu mahu berkorban untuk ibunya. Hal ini dapat dibuktikan ketika ibu mereka sudah tua dan uzur. Tiada seorang pun daripada anaknya mahu menjaga si ibu ini malah dihantar ke rumah perlindungan warga tua.

(3) Peningkatan taraf atau kualiti hidup

Kategori yang seterusnya ditemui melalui unsur feminisme dalam peribahasa ialah peningkatan taraf atau kualiti hidup yang lebih baik. Peningkatan taraf merupakan satu keadaan di mana sesuatu itu berubah ke arah yang lebih baik.


Peribahasa	Interpretasi Makna
Batik semarang, makin dicuci makin terang	Perempuan janda yang cantik berbanding dirinya sebelum kahwin
Hilang pelanduk berganti kijang emas	Perempuan yang bercerai dari suaminya yang hina, kemudian kahwin dengan seorang lelaki yang mulia

Sumber: Buku "Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai

Analisis data peribahasa: *hilang pelanduk berganti kijang* :

Dalam data peribahasa *hilang pelanduk berganti kijang emas* pula memberi gambaran mengenai keadaan seseorang wanita yang telah berpisah dengan pasangannya yang hina atau jahat. Pelanduk dan kijang emas setiap satunya memberi konotasi negatif dan positif. Pelanduk yang mempunyai ciri kecil berbanding dengan kijang emas yang besar dan cantik sekiranya memilikinya. Sapinah Said pada tahun 2013 menyatakan pelanduk ialah sejenis binatang liar yang kecil serta tidak berharga. Pelanduk yang kecil itu dikatakan hilang dan digantikan dengan kijang iaitu sejenis binatang yang jauh lebih besar daripada pelanduk dan diperbuat daripada emas pula. Berbalik kepada data peribahasa tersebut, jika sesuatu penggantian itu berlaku dan keadaannya lebih baik berbanding keadaan semasa, ia dianggap sebagai satu perubahan yang baik.

Makna *perempuan yang bercerai dari suaminya yang hina, kemudian kahwin dengan seorang lelaki yang mulia* dapat dijelaskan dengan skema imej tatatingkat kerana leksikal hina dan mulia menunjukkan terdapat sesuatu jurang yang membezakan perkara-perkara tersebut. Rajah 3 menunjukkan skema imej tatatingkat bagi unsur feminisme makna peribahasa perempuan yang bercerai dari suaminya yang hina, kemudian kahwin dengan seorang lelaki yang mulia.



Rajah 3

Menurut Kamus Dewan (2005), hina ialah kedudukan atau pangkat yang rendah tarafnya dan perbuatan atau kelakuan yang keji. Melalui makna *perempuan yang bercerai dari suaminya yang hina, kemudian kahwin dengan seorang lelaki yang mulia*, dapat diketahui bahawa suami yang hina itu memalukan dan bernilai rendah. Suami yang hina mungkin boleh digambarkan dengan perlakuan suami yang suka berjudi, seorang yang berkaki botol, kaki perempuan dan kaki pukul. Kesemua ciri ini bertepatan dengan keadaan yang wujud semasa zaman Melayu klasik. Sebaliknya berlaku dengan suami yang mulia. Mulia ialah kedudukan atau pangkat yang tinggi serta perbuatan atau kelakuan yang dipuji (Kamus Dewan, 2005). Suami yang mulia boleh dibayangkan dengan sikap seorang itu yang penyayang, seseorang yang dihormati oleh anak buahnya, seseorang yang kaya dan sebagainya. Suami yang mulia ini pastinya akan dihormati oleh semua lapisan masyarakat kerana mulia itu sentiasa meletakkan dirinya ke atas. Lelaki pada zaman dahulu memang mempunyai nilai yang tinggi jika hendak dibandingkan dengan perempuan. Namun, lelaki yang hina tetap dikeji walaupun dia seorang lelaki. Suami yang hina (rendah kedudukan dan pangkat) semestinya sentiasa berada di aras yang bawah berikutan kedudukannya yang rendah. Hal ini amat berbeza dengan suami yang mulia (tinggi kedudukan dan pangkat) selalunya berada

di atas kerana kedudukan yang tinggi. Atas dan bawah serta tinggi dan rendah menunjukkan adanya perbezaan tingkat dan kedudukan.

5. Kesimpulan

Kajian mendapati unsur feminisme sememangnya sudah wujud dalam masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Walaupun jumlah peribahasa yang mengandungi unsur feminisme itu tidak begitu dominan, namun ia menunjukkan bahawa unsur feminisme itu tetap ada. Hal ini kerana, mungkin pada zaman Melayu dahulu, kaum wanita ini lebih dianggap sebagai golongan kedua selepas kaum lelaki. Jadi, idea serta konsep feminisme ini ditunjukkan secara implisit sahaja dengan penggunaan metafora yang tinggi misalnya dalam peribahasa. Namun, kajian ini juga menolak sebahagian kajian-kajian lepas yang hanya menumpukan wanita dalam ruang lingkup yang negatif sahaja kerana kajian mendapati bahawa wanita yang mempunyai ciri kepositifan itu ada juga diperkatakan dalam peribahasa. Misalnya dalam wanita yang bersikap rajin yang digambarkan menerusi peribahasa *bagai gadis jolong menumbuk*. Selain itu, wanita dalam perspektif positif juga dilihat dalam aspek kedudukan wanita dalam masyarakat menerusi peribahasa *anak gahara* yang bermaksud putera atau puteri yang dilahirkan oleh permaisuri berketurunan bangsawan. Bukan itu sahaja, wanita juga dipandang dari sudut positif apabila berjaya meningkatkan taraf hidup ataupun kualiti hidup mereka. Sebagai contoh, dalam peribahasa *hilang pelanduk berganti kijang* yang bermakna seseorang wanita yang telah bercerai dengan suaminya yang hina dan kemudian berkahwin dengan lelaki yang mulia. Penggunaan teori semantik kognitif terutamanya skema imej dan metafora konseptual dilihat dapat membantu dalam menganalisis data yang telah dikategorikan berdasarkan pegangan yang ada di dalam kerangka teori berkenaan.

Rujukan

- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Imran Ho Abdullah. 2007. Konstruksi Perbandingan: Pendekatan Linguistik Kognitif. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah dan Idris Aman (pnyt.). *Linguistik: Teori dan Aplikasi*, hlm. 38-58. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lakoff, G. 1987. *Women, Fire, and Dangerous Things: What Categories Reveal about the Mind*. London: The University of Chicago Press
- Lakoff, G & Johnson, M. 1980. *Metaphors We Live by*. London: The University of Chicago Press
- Rahimah Ramdan & Shaiful Bahri M.D. Radzi. 2014. Gender Perspective in Malay Proverbs. *Middle-East Journal of Scientific Research* 22(1): 99-106
- Roksana Bibi Abdullah. 2016. Gender Bias in Malay Language. *International Journal of Social Science and Humanity* 6(16): 413-421
- Zainal Abidin Ahmad. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmat Fuat Mat Hassan. 2011. *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia